

## **Konvokesyen ke-68 UiTM cipta sejarah, lahirkan graduan perubatan pertama**

**SH 22/5/08 ms. 4**

Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-68 yang bermula hari ini mencipta sejarah tersendiri sejak 52 tahun penubuhannya dengan melahirkan 19 graduan pertama dari Fakulti Perubatan.

Menurut kenyataan Jabatan Komunikasi Korporat UiTM, istiadat yang akan berlangsung sehingga 31 Mei ini akan disempurnakan oleh Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin yang juga Canselor universiti itu.

Seri Paduka Baginda berkenan menganugerahkan ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) kepada graduan perubatan itu serta ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dan sarjana pada hari pertama. Turut dijangka hadir pada istiadat itu ialah Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.